

Penduduk bimbang paras air Sungai Perak meningkat

BANDAR KUALA KANGSAR

- Peningkatan paras air Sungai Perak sejak beberapa hari lalu membimbangkan penduduk tempatan.

Kebanyakan penduduk yang ditemui menzahirkan rasa resah mereka sekiranya musibah banjir pada penghujung tahun lalu kembali

berulang pada tahun ini memandangkan paras air semakin meningkat.

Begitu pun, tinjauan dilakukan Sinar Harian di Jeti Penambang mendapati paras air semakin surut walaupun ia agak tinggi berbanding hari biasa.

Penduduk, Mohd Zahir

Ibrahim, 23, berkata, ada peniaga yang mula bimbang dengan keadaan tersebut namun sedikit lega selepas paras air kelihatan semakin surut.

"Mulanya memang ramai yang bimbang sampaikan ada yang datang ke sini dan mengambil

gambar. Mungkin mereka bimbang keadaan akan jadi seperti tahun lalu.

"Namun, dari pemerhatian saya pada pagi tadi, paras air semakin surut. Lega rasa bila lihat ia semakin surut. Harapnya tiada perkara tidak baik berlaku," katanya.